

Kaligrafi seni terbaik

KALIGRAFI diangkat sebagai seni terbaik kerana ia merupakan simbol ilmu dan kesungguhan para ilmuwan. Pelbagai bangsa bertamadun di dunia yang mempunyai bahasa memiliki gaya kaligrafi tersendiri.

Antara kaligrafi yang terkenal ialah kaligrafi Latin, kaligrafi Mesir, kaligrafi Cina dan kaligrafi Islam. Perkataan kaligrafi sendiri adalah merujuk kepada perkataan Greek iaitu tulisan cantik yang ditulis dengan tangan menggunakan dakwat dan pen.

Kaligrafi Islam dikenali kerana gaya penulisan yang agak keras dan bersudut. Alat yang digunakan untuk menghasilkan kaligrafi Islam secara tradisional dikenali sebagai qalam.

Ia diperbuat daripada sejenis tumbuhan yang dipanggil batang resam dalam bahasa Melayu. Namun, selari dengan perkembangan Islam, bentuk qalam yang digunakan pada hari ini turut pelbagai iaitu pen dan berus.

Kaligrafi Islam terdiri daripada beberapa kategori iaitu ayat al-Quran, kata-kata hikmah dan terakhir ialah kaligrafi huruf atau pseudo.

Kaligrafi yang menggunakan ayat-ayat suci al-Quran memperagakan dua bentuk keindahan iaitu keindahan ayat dan keindahan fizikal iaitu gaya tulisan yang digunakan.

Keindahan ayat al-Quran tiada tandingannya kerana ia adalah kalam Allah. Namun, ayat suci ini ditulis dalam gaya tulisan berbeza. Gaya tulisan dikenali oleh masyarakat Islam sebagai khat.

POTONGAN qalam dan pen yang digunakan oleh penulis khat Islam tradisional.

Kesenian Islam

Oleh **ROS MAHWATI AHMAD ZAKARIA**
rosmawati@ukm.edu.my



Bagi kategori ini, tulisan perlu digunakan ialah tulisan Arab yang mempunyai pelbagai gaya tulisan selari dengan perkembangan ajaran Islam yang menerangi seluruh dunia.

Antara contoh gaya tulisan yang menjadi identiti sesebuah pemerintahan Islam ialah:

- Khat Kufi - Dinasti Umayyah dan Abbasiyah
- Tulisan tughra dan diwari - Dinasti Uthmaniyyah
- Khat Sinni - gaya yang menjadi identiti bagi masyarakat Cina Islam

Selain ayat al-Quran, kategori kaligrafi lain iaitu kata-kata hikmah yang turut memperagakan keindahan makna dan keindahan fizikal.

Ia memperlihatkan tahap kebijaksanaan seseorang pemikir atau sarjana mengeluarkan kata-kata hikmah ini.

Kaligrafi ini boleh ditulis dalam pelbagai tulisan. Ia tidak semestinya ditulis dalam aksara Arab tetapi boleh ditulis menggunakan tulisan tempatan seperti Latin, Devanagiri, Lampung dan 'tulisan Cina'.

Masyarakat Cina tidak

KALIGRAFI Islam terdiri daripada ayat al-Quran dan kata-kata hikmah.

INFO

KALIGRAFI

- Diangkat sebagai seni terbaik kerana ia adalah simbol kepada ilmu dan kesungguhan ilmuwan.
- Antara kaligrafi terkenal ialah:
 - Kaligrafi Latin
 - Kaligrafi Mesir
 - Kaligrafi Cina
 - Kaligrafi Islam
- Kaligrafi Islam terdiri daripada beberapa kategori iaitu ayat al-Quran, kata-kata hikmah.
- Kaligrafi boleh ditulis dalam pelbagai tulisan, tidak semestinya ditulis dalam aksara Arab.
- Ia memperlihatkan tahap kebijaksanaan seseorang pemikir atau sarjana yang mengeluarkan kata-kata hikmah tersebut.

mempunyai tulisan secara khusus. Mereka menggunakan simbol atau karakter yang boleh digabungkan lebih daripada satu untuk membentuk perkataan.

Namun, gabungan karakter-karakter ini juga boleh menghasilkan kaligrafi yang cantik. Dalam kategori kaligrafi ini, walaupun aksara digunakan bukan terdiri daripada aksara Arab, tetapi kata-kata dirakamkan adalah berkait dengan keindahan Islam.

Kategori huruf atau pseudo

ini tidak mempunyai makna khusus. Ia lebih kepada kecantikan fizikal yang diperlihatkan daripada gaya tulisan dan komposisi kaligrafi dihasilkan.

Kategori khat ini banyak digunakan oleh penulis khat muda moden Iran yang memonopoli seni kaligrafi moden pada hari ini. Kaligrafi ini mementingkan susunan dan pengulangan penggunaan huruf yang dipilih oleh penulis untuk digubah dan dipindahkan dengan penggunaan warna.

Kaligrafi sebegini tidak mempunyai isi khusus berkaitan Islam, tetapi dikaitkan sebagai seni Islam kerana pandangan stereotaip yang mengaitkan aksara Arab dengan Islam selain dihasilkan oleh masyarakat Islam.

Tidak semua ahli kaligrafi Islam tradisional menerima kategori ini sebagai seni Islam. Walau bagaimanapun, kaligrafi adalah satu bentuk seni yang memerlukan gabungan ilmu, kebijaksanaan, kemahiran dan kesungguhan dalam penghasilan satu karya.

Kaligrafi mampu menarik perhatian sesiapa yang melihatnya sama ada dari sudut makna mahupun estetika. Ia adalah seni yang sentiasa membuatkan manusia berfikir walaupun karyanya telah siap ratusan tahun lalu.

